



Pekerja keliru sikap majikan

SOALAN

SAYA berumur awal 20-an dan bekerja di syarikat perabot sejak tiga tahun lalu.

Masalahnya, saya keliru dengan sikap bos yang tidak menentu. Ada kalanya dia seorang bos yang suka marah tanpa sebab dan tidak menghormati pekerja.

Ada masanya dia seorang bos yang sangat baik dan selalu belanja kami makan.

Saya tidak faham dengan sikapnya. Apa patut saya lakukan? Adakah saya perlu berhenti kerja atau terus bekerja dengan bos yang tidak menentu anginnya?

Gadis Pahang

JAWAPAN

SIKAP suka berubah-ubah memang mewujudkan tekanan kepada orang lain, apatah lagi, orang itu yang mempunyai sikap tidak menentu adalah ketua di tempat kerja.

Dr tidak mengetahui apakah punca bos adik tidak menghormati pekerja dan angin yang tidak menentu. Namun, daripada apa yang adik ceritakan, bos adik itu mungkin mempunyai dua personaliti yang berbeza dipanggil 'dual personality'. Mungkin juga dia mempunyai masalah untuk mengawal kemarahannya.

Secara psikologi, pekerja memang tidak selesa, mudah bimbang dan takut jika ketuanya suka marah. Ini kerana, mereka diselubungi kebimbangan dibuang kerja dan dimarahi tanpa sebab.

Selain itu, sikap tidak menghormati pekerja boleh menyebabkan mereka membenci majikan. Sikap ini ada kalanya tidak disedari majikan dan memang ada memiliki ciri itu tetapi sukar untuk membuangnya.

Sama ada adik perlu

berhenti atau terus bekerja, ia terpulung kepada pertimbangan.

Adik perlu membuat senarai kebaikan dan keburukan di atas keputusan itu. Andai adik berhenti kerja, adakah adik akan memperoleh pekerjaan lain?

Jika adik terus bekerja dengan bos seperti ini, apakah pula cara terbaik untuk mengelakkan adik berasa tertekan? Faktor kewangan juga perlu difikirkan dalam membuat sesuatu keputusan.

Dalam hal ini, mungkin dengan memahami sikap bos, tekanan perasaan yang adik alami dapat dikurangkan. Anggaphlah ia sebahagian daripada personaliti dirinya dan cubalah menerima dia seadanya.

Selain itu, jika mempunyai keberanian, adik boleh bersemuka dengannya dan memberitahu tekanan yang

adik alami disebabkan sikapnya itu.

Bagaimanapun, adik perlu bersedia dengan sebarang kemungkinan kerana tindakan itu punya risiko tersendiri.

Andai bos adik berfikir terbuka dan boleh menerima pandangan orang lain, dia boleh berubah.

Tetapi, apa yang ditakuti, dengan sikap terus terang itu, dia boleh memberhentikan adik bekerja. Oleh itu, jika implikasinya lebih buruk dan adik tidak mempunyai kekuatan untuk memberitahu perkara sebenar kepadanya, alternatif yang boleh dilakukan ialah berhenti kerja atau memahami sikapnya.

Apapun keputusan yang adik akan buat selepas ini, biarlah ia memberi lebih manfaat dan kesejahteraan mental serta fizikal kepada adik.

Pelajar resah rakan dikongkong abang

SOALAN

SAYA pelajar kolej swasta berusia 22 tahun dan mempunyai dua kawan iaitu Amir dan Mira (bukan nama sebenar). Mereka berdua kawan baik saya. Walaupun baru lima bulan berkawan, kami sangat rapat dan sentiasa bersama.

Sepanjang persahabatan, saya meminati Mira kerana sikapnya yang mesra serta sentiasa menghiburkan dan mengambil keputusan untuk meluahkan rasa hati.

Bagaimanapun, dia menolak dan saya dapat menerima keputusannya tanpa kecewa.

Namun, apa yang mengecewakan saya dan Amir ialah sikap Mira yang merahsiakan sesuatu daripada kami dia dikongkong orang yang dianggapnya abang.

Mira sendiri tidak pasti sama ada orang yang dianggapnya abang itu abang kandungannya atau anak angkat keluarganya.

Abang Mira ada meluahkan perasaan sayang yang lebih

daripada kasih sayang seorang abang kepada adiknya.

Andai kata abangnya itu bukan darah dagingnya, dia bersetuju menjadi teman hidup abangnya itu.

Tolonglah Dr, kami tidak mahu persahabatan kami bertiga terputus gara-gara abang Mira yang tidak diketahui asal-usul itu selalu mengongkongnya.

Jejaka risau, Ipho, Perak

JAWAPAN

APA yang Dr faham, biar pun cinta adik ditolak Mira, persahabatan kalian masih berjalan seperti biasa. Walaupun Mira mempunyai hubungan dengan orang yang dianggap abang, dia masih tetap menjalinkan hubungan persahabatan yang baik dengan Amir dan adik.

Biarlah Dr merujuk 'orang yang dianggap sebagai abang' oleh Mira sebagai teman lelakinya dalam konteks

masalah ini.

Mungkin, adik mengalami satu persoalan ketakutan di mana adik tidak mahu persahabatan kalian bertiga terputus gara-gara hubungan Mira dengan teman lelakinya itu.

Tetapi, jelasnya, adik tidak selesa dengan hubungan mereka dan menjadikan tidak suka Mira dikongkong sebagai alasan. Mungkin juga adik cemburu perhubungan itu.

Ternyata Mira dengan teman lelakinya itu mempunyai perasaan antara satu sama lain. Hubungan cinta tidak boleh dipaksa. Dr tidak tahu sama ada Mira sendiri berasa dirinya dikongkong teman lelakinya atau itu hanya perasaan dan pemerhatian adik.

Mungkin Mira suka akan apa yang dilakukan teman lelakinya itu dan menganggap ia bukanlah satu masalah. Namun, jika Mira berasa

dirinya dikongkong dan tertekan dengan perkara ini, dia sendiri yang perlu memberitahu perkara ini kepada teman lelakinya.

Sebagai seorang sahabat, jika Mira gembira dengan hubungan cintanya itu, adik perlu mendoakan kebahagiaannya. Namun, andai benar kekasihnya itu abang kandungannya sendiri, tentu sekali perhubungan itu perlu dihentikan.

Oleh itu, Mira perlu mendapatkan kepastian berkaitan status kekasih atau abangnya itu daripada ibu bapanya atau mereka yang mengetahui sejarah hidupnya.

Mengenai kerisauan berkaitan persahabatan adik bertiga akan terputus dek percintaan Mira itu, berterus teranglah dengannya. Jelaskan juga kerisauan adik berdasarkan keinginan seorang sahabat melihat hubungan persahabatan yang disemai berkekalan.